

► *Perlawanan persahabatan medan cangkil bakat pemain*

UMS menang 15-11 ke atas Sekolah Sukan Sabah

UB 20.3.2014 A15

KOTA KINABALU: Pasukan Sains Sukan Universiti Malaysia Sabah (UMS) berjaya menumpaskan pasukan Sekolah Sukan Sabah pada perlawanan persahabatan bola jaring yang berlangsung di Dewan Persekutuan, Kompleks Kerajaan Persekutuan, Kota Kinabalu baru-baru ini.

Perlawanan yang julung kali diadakan antara kedua-dua pasukan ternyata mempamerkan saingan sengit sebelum pasukan Sains Sukan UMS yang diketuai oleh Nurmasaini Mazlan berjaya menundukkan pasukan lawan dengan keputusan 15-11.

Menurut seorang pensyarah Program Sains Sukan UMS Dr. Mohamad Nizam Nazarudin, perlawanan tersebut dijadikan sebagai batu loncatan untuk membuat pemilihan atlet yang berpotensi besar bagi mewakili program Sains Sukan pada Kejohanan Sukan Antara Sekolah UMS yang akan berlangsung tidak lama lagi.

“Secara tidak langsung, perlawanan persahabatan ini juga mampu menjalinkan silaturahim di antara Universiti Malaysia Sabah dan Sekolah Sains Sukan Sabah,” katanya.

Beliau juga turut memuji kedua-dua pasukan yang



SEBAHAGIAN aksi perlawanan persahabatan berkenaan.

mempamerkan permainan rancak sambil menyifatkan strategi merupakan aspek yang paling penting untuk sesebuah pasukan menjuarai perlawanan.

“Sesebuah pasukan akan dapat bermain dengan lebih cemerlang jika strategi mereka tidak dapat dikesan oleh pasukan lawan, terutamanya semasa membuat hantaran tengah, hantaran ke dalam atau lambungan.

“Strategi ini perlu ditekankan dengan bersungguh-

benar, supaya pemain dapat memahami serta mengaplikasikannya dalam permainan yang sebenar,” tambah beliau.

Jelasnya lagi, latihan intensif adalah amat diperlukan untuk membiasakan para pemain dengan strategi yang telah dirancang agar ianya dapat dilaksanakan dengan teratur dan sistematik.

Sementara itu, salah seorang pemain Sekolah Sukan Sabah, Siti Nor Akriema Athhira berpendapat bahawa, pasukan

mereka telah mempelajari pengalaman baharu melalui perlawanan persahabatan tersebut kerana berpeluang bermain bersama pelajar-pelajar universiti.

“Saya teruja apabila berpeluang bermain bersama atlet-atlet dari UMS yang lebih berpengalaman.

“Saya percaya ia dapat membantu kami untuk mempelajari kemahiran baharu dari segi pengawalan permainan serta teknik membaca gerak geri lawan,” tambahnya.